

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72nd
ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1576



9 772232 157005


MISI AKADEMIK UiTM SEMPENA PROGRAM SEJIWA SENADA

Oleh: Frannelya Anak Francis dan Cyndra Robert Budull

Pada 26 Februari hingga 28 Februari 2016 yang lepas, UiTM Sarawak telah mengadakan Misi Akademik bersempena program Sejiwa Senada yang berlangsung di Tempat Letak Kereta Pasar Saratok bermula dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari. Program yang telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia sempena lawatan beliau ke negeri Sarawak. Misi akademik ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat setempat tentang kursus-kursus yang ditawarkan di UiTM Sarawak dan memberi garis panduan tentang cara-cara memohon kemasukan ke UiTM kepada yang berminat. Secara keseluruhannya, Misi Akademik ini telah berjaya mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dari calon lepasan SPM dan STPM dan para ibubapa yang hadir.



Para petugas misi akademik UiTM sedang memberi penerangan kepada pengunjung booth.



Pengunjung Sejiwa Senada sedang mendengar YAB Dato' Seri Najib berucap.

MISI AKADEMIK UiTM SARAWAK

Oleh: Jong Li Ling

Pameran Pendidikan Antarabangsa Borneo Post (BPIEF) 2016 kali ketujuh telah dianjurkan pada 27 dan 28 Februari 2016 di Borneo Convention Centre Kuching (BCKK). Petugas yang hadir pada program tersebut adalah Cik Jong Li Ling dan Dr. Sandra Sim Phek Lin. Di antara program yang mendapat sambutan para pengunjung adalah Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat, Diploma Sains, Diploma Perakaunan, Diploma Pengurusan Pelancongan, Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Ukur Bahan, Diploma Bangunan dan Diploma Kejuruteraan Kimia yang ditawarkan di Kota Samarahan, serta Diploma Pengurusan Ladang yang ditawarkan di Mukah. Di samping itu, program di bawah pusat pengajian siswazah yang mereka minati adalah Phd/Master of Business Administration dan Master in Education. Selain itu, Diploma in Culinary Arts yang ditawarkan oleh UiTM juga menjadi pilihan mereka yang ingin melanjutkan pelajaran. Pengunjung juga berminat terhadap yuran pengajian program di peringkat diploma atau sarjana/doktor falsafah. Secara keseluruhan, pameran ini mendapat sambutan yang baik dan telah berjalan dengan lancar.

MISI AKADEMIK UiTM SARAWAK

Oleh: Bebe Norlita Binti Mohamed dan Nurhafizah Binti Mohd Selihin

Misi akademik UiTM Sarawak di SMK Petra Jaya bermula pada jam 9 pagi hingga 12 tengahari pada 3 Mac 2016. Walau bagaimanapun kebanyakan pelajar dan ibubapa hanya mengunjungi ruang pameran UiTM selepas keputusan SPM diumumkan pada jam 10.30 pagi. Petugas bagi misi akademik ini adalah seramai dua orang daripada Fakulti Sains Gunaan. Manakala pengunjung yang hadir pula terdiri daripada pelajar, ibubapa serta guru-guru. Pelajar-pelajar yang mengunjungi ruang pameran menunjukkan minat untuk memasuki pelbagai program yang ditawarkan di UiTM Sarawak. Kebanyakan soalan yang diajukan kepada pihak petugas adalah mengenai program-program yang ditawarkan di UiTM Sarawak dan juga syarat-syarat kelayakan minimum. Pihak petugas juga telah memaklumkan kepada pelajar yang berminat untuk datang ke kampus UiTM Sarawak atau melayari laman web UiTM untuk maklumat tambahan. Selain itu, petugas-petugas juga telah menggalakkan pelajar-pelajar untuk hadir ke Program Ekspo Selangkah ke UiTM yang diadakan pada 11 hingga 13 Mac 2016 di Dewan Jubli, Kampus Samarahan 1 bagi melihat pameran dari berbagai fakulti mengenai kursus-kursus yang terdapat di UiTM Sarawak. Secara keseluruhannya, misi akademik di Sekolah Petra Jaya telah berlangsung dengan jayanya.



Petugas-petugas misi akademik sedang melayani pertanyaan-pertanyaan dari pengunjung





Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my